

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 MAY 2017

Penggiat media sosial boleh menyumbang kepada negara - PM um-19/5/2017 pg. 3

KUALA LUMPUR 18 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, penggiat media sosial boleh berperanan untuk menyumbang kepada negara yang digerakkan melalui kempen #Negaraku dengan menggunakan medium dan cara mereka sendiri.

Perdana Menteri berkata, sebagai contoh, melalui fotografi dan perkongsian pengalaman di Instagram, mereka boleh mengetengahkan lokasi dan pemandangan menarik tempat-tempat yang jarang dikunjungi di negara ini seperti di Pantai Tusan di Miri, Pantai Bachok di Kelantan dan pelbagai lagi.

Katanya, sememangnya masih banyak lagi lokasi dan tempat menarik dalam negara yang masih belum diterokai sepenuhnya, maka melalui foto-foto daripada para penggiat media sosial dapat membantu menaikkan populariti serta meningkatkan pendapatan industri pelancongan tempatan.

"Saya berpeluang petang semalam untuk bertemu dengan ramai jurugambar dan penggiat media sosial atau *Instafamous*. Mereka juga turut berkongsi dengan saya foto yang telah mereka ambil yang mencerminkan #Negaraku dari sudut pandangan mereka. Memang menarik dan cantik foto-foto tersebut, seperti foto anak orang asli, pemandangan ibu kota di waktu malam, Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) dan banyak lagi.

"Ramai yang komen di foto-

foto tersebut mengatakan bahawa mereka menyangkakan foto ini diambil di tempat eksotik luar negara seperti New Zealand atau Korea Selatan dan terkejut mengetahui bahawa ia sebenarnya di Malaysia!" katanya menerusi blog beliau, *najibrazak.com* hari ini.

Perdana Menteri semalam sempat meluangkan masa bersama golongan penggiat media sosial antaranya Nasrul Faiz @Faizdickie, Kamarulzaman Ali @z.own, Hishammudin Hashim @tkdnxv, Shafiq Saleh @shafiqanaksaleh, Adly Aizad @adlyaizad dan Taufiq Nadzri @taufiqnadzri untuk sesi sembang santai di Cartel Coffee Shop, Bangi.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kedudukan para penggiat media sosial tidak berada di tahap rendah sebagaimana stigma masyarakat terhadap golongan itu, sebaliknya mereka mempunyai pengaruh tersendiri di luar sana.

Katanya, ramai masih tidak menyedari kepentingan media digital sebagai medium paling berkesan untuk capaian selain mengembangkan pengaruh di era teknologi yang berkembang pesat kini.

"Saya percaya dengan kegigihan, semangat dan bakat yang mereka ada, mereka mampu berkembang lebih maju dan membuka banyak peluang, bukan sahaja untuk diri mereka, tetapi juga untuk generasi hadapan dan untuk #Negaraku, Malaysia," katanya.

Perdana Menteri turut menyifatkan golongan penggiat media sosial sebagai perintis yang akan membuka kepada lebih ramai anak-anak muda yang berminat dengan dunia kreatif seperti fotografi dan videografi untuk memanfaatkan teknologi yang ada bagi menyerlahkan kreativiti mereka.

Kata beliau, teknologi adalah sesuatu yang berkembang begitu pantas dan sekiranya masing-masing alpa, kita semua akan jauh ketinggalan.

Jelasnya, pembangunan sumber manusia pada hari ini, sebagai contoh, perlu memikirkan bagaimana untuk menyediakan modal insan bagi pekerjaan yang masih belum wujud kini, tetapi bakal menjadi pekerjaan penting di masa hadapan.

"Berkaitan dengan dunia fotografi, mereka berkongsi dengan saya gajet dan peralatan yang digunakan untuk berkarya. Ada yang menggunakan kamera Fujifilm, ada yang guna Canon, Nikon dan bermacam jenama lagi.

"Tetapi yang lebih menarik perhatian saya adalah betapa teknologi kamera di telefon bimbit telah berkembang begitu pesat sehingga ada yang boleh dikatakan boleh menyaingi atau lebih hebat daripada kamera DSLR seperti Huawei yang menggunakan teknologi Leica dan sebagainya. Tidak mustahil di masa depan, ia boleh menggantikan kamera DSLR sebagai gajet pilihan utama jurugambar profesional," katanya.